

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 JANUARY 2017

Dr. Mahathir sedar kerugian AS\$10 bilion – Tunku Aziz

UM - 28/1/2017

KUALA LUMPUR 27 Jan. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad perlu tampil memberi penjelasan berikutan pendedahan kerugian berjumlah AS\$10 bilion (RM44 bilion) yang dialami Bank Negara Malaysia (BNM) sewaktu kerajaan berada di bawah pentadbiran beliau.



TUNKU ABDUL AZIZ

Gesaan itu disuarakan oleh bekas Penasihat Bank Negara, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim

oleh bank pusat itu. Tunku Abdul Aziz memberitahu, perkara itu juga pernah dide-

yang percaya Dr. Mahathir sedar dan tahu mengenai kerugian terbesar dalam sejarah perbankan negara melalui aktiviti perdagangan mata wang itu.

Beliau turut mendakwa, Dr. Mahathir merupakan individu yang dipercayai di sebalik kegiatan perdagangan mata wang

dahkan beliau sebelum ini dan laporan polis telah pun dibuat tetapi tiada tindakan lanjut diambil untuk membuka semula siasatan.

“Gabenor BNM ketika itu menjelaskan bahawa kerugian dialami adalah sebanyak RM5.7 bilion tetapi hakikatnya hampir kesemua rizab BNM ‘hilang’ sehingga memerlukan modal baharu disuntik kepada bank pusat itu. Situasinya sangat teruk.

“Sekiranya di negara yang lebih telus, Dr. Mahathir serta pegawai-pegawai kanan BNM ke-

tika itu mungkin sudah berdepan tindakan. Jawapan Dr. Mahathir dalam isu ini juga seolah merahsiakan kisah sebenarnya, beliau kata kerugian itu tidak jejas ekonomi negara.

“Kini, perkara ini dibangkitkan semula dan saya berpendapat sekarang adalah masa terbaik untuk Dr. Mahathir tampil memberikan penjelasan, selain pihak berkuasa juga perlu membuka siasatan dengan memanggil beliau untuk memberi keterangan,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.